HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN PEMIMPIN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN TERHADAP PRESTASI STAF

DISEDIAKAN OLEH :

SUEB BIN HAJI IBRAHIM

JAAFAR BIN PYEMAN

30 SEPTEMBER 2002

Date : 30 September 2002
Fail Projek :

Ketua
Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam

YBhg. Prof.,

LAPORAN AKHIR KAJIAN HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN PEMIMPIN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN TERHADAP PRESTASI STAF

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

Bersama dengan surat ini disertakan TIGA(3) salinan Laporan Akhir Kajian yang bertajuk "Hubungan Gaya Kepimpinan Pemimpin Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak Kampus Samarahan Terhadap Prestasi Staf".

Kajian ini telah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

SUEB BIN HAJI IBRAHIM
Ketua
Projek Penyelidikan

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	*M/SURAT*
Tajuk Kajian	ii
Surat Penyerahan	iii
Kumpulan Penyelidik	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xvi
Abstrak	xvii

BAB 1 : PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	3
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Rational Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	5
1.5	Batasan Kajian	6
1.6	Definisi Istilah	7

BAB 2 : ULASAN KARYA

2.0	Pengenalan	10
2.1	Teori-Teori dan Pendekatan -Pendekatan Penyelidikan Kepimpinan	10
2.1.1	Pendekatan 'Trait'	10
2.1.2	Pendekatan Tingkahlaku Pemimpin	11
2.1.3	Teori X dan Teori Y McGregor	13
2.1.4	Teori Z Ouchi	14

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini melibatkan tiga aspek utama dalam pengurusan sesebuah organisasi khususnya UiTMCSKS iaitu gaya kepimpinan seseorang pemimpin, persekitaran(iklim) organisasi yang dibentuk dan tahap prestasi staf di bawah kawalannya. Tujuan kajian ini adalah bagi melihat samada terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya kepimpinan yang berorentasikan struktur tugas dengan tahap pencapaian prestasi staf; melihat samada terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya kepimpinan yang berorentasikan timbang rasa dengan tahap pencapaian prestasi staf dan melihat samada terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya kepimpinan yang berorentasikan gabungan kedua-dua gaya tersebut dengan tahap pencapaian staf.

Di samping itu juga penyelidik telah juga mengkaji tentang hubungan gaya kepimpinan seseorang pemimpin itu terhadap iklim atau persekitaran organisasi yang dibentuk dalam menghasilkan suatu prestasi yang baik dari staf. Para reponden yang terlibat adalah terdiri daripada staf UiTMCSKS dari kategori pemimpin, staf akademik dan staf bukan akademik. Borang soal selidik "Leader Behavior Description Questionaire" dan juga "Organizational Climate Description Questionaire" (OCDQ) telah digunakan bagi mendapatkan data .

BAB 1

PERMASALAHAN KAJIAN

1.0 PENGENALAN

Gaya atau stail kepimpinan pemimpin organisasi memainkan peranan penting khususnya dalam meningkatkan tahap prestasi staf di dalam sesebuah organisasi. Ini adalah sangat penting kepada pemimpin kerana keberkesanannya sebagai pemimpin organisasi lazimnya diukur dengan tahap prestasi stafnya dalam memberi perkhidmatan atau penghasilan produk yang berkualiti.Kejayaan dan keberkesanan sesebuah organisasi dapat dinilai daripada kepimpinan pemimpinnya. Kepimpinan pemimpin yang dinamik telah dikenalpasti sebagai satu pembolehubah yang dikatakan membawa kejayaan kepada sesebuah organisasi. Untuk itu, kajian ini ingin melihat gaya kepimpinan pemimpin organisasi yang signifikan dalam mempengaruhi tahap peningkatan presasi staf. Tahap pencapaian prestasi staf dalam sesebuah organisasi banyak dipengaruhi kepada keberkesanan kepada kepimpinan pemimpin organisasi. Keberkesanan kepimpinan pemimpin organisasi pula banyak bergantung kepada iklim organisasi yang positif yang mana dibentuk oleh gaya kepimpinan pemimpin yang positif. Oleh yang demikian iklim dan kepimpinan pemimpin organisasi merupakan komponen yang boleh mempengaruhi tahap pencapaian prestasi staf (Squires, 1980).